

PRUPrestige Legacy



Teruskan legasi anda,
kukuhkan demi generasi
akan datang.



PERLINDUNGAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") KE ATAS MANFAAT YANG AKAN DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/POLISI INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA HAD. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential Assurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Prudential Assurance Malaysia Berhad 198301012262 (107655-U)
Ahli PIDM

Kukuhkan legasi anda, tanpa menjejaskan apa yang telah anda bina.

Kembangkan kekayaan anda sambil mengekalkan perlindungannya.

Dengan **PRUPrestige Legacy**, kekayaan anda berpotensi berkembang melalui peluang global dalam mata wang asing atau emas, sambil disokong oleh asas perlindungan yang terjamin.

Dengan fleksibiliti dalam pengagihan harta dan akses kepada dana apabila diperlukan, legasi anda kekal bergerak seiring perubahan kehidupan tanpa kehilangan nilainya dari semasa ke semasa.

Kerana legasi bukan sekadar meneruskan perjalanan.
Ia tentang meneruskan legasi dengan lebih kukuh untuk generasi akan datang.



Merealisasikan Aspirasi Legasi Anda



Bina Legasi Melangkaui Sempadan

Pelbagaikan dan kembangkan kekayaan anda melalui pilihan mata wang terkuat di dunia serta emas.



Raikan Kehidupan Yang Lebih Panjang Dengan Pertumbuhan Legasi Terjamin

Tingkatkan nilai legasi anda sehingga 50% pada usia-usia tertentu melalui Legacy Enhancer tanpa kos tambahan.



Maksimumkan Kekayaan Dengan 100% Peruntukan Premium dan Bonus Menarik

- 100% premium anda dilaburkan untuk merebut sepenuhnya peluang pertumbuhan yang tersedia.
- Nikmati bonus menarik sehingga 1,300% daripada premium tahunan anda.



Tentukan Legasi Anda Mengikut Kehendak Anda

Kawal bagaimana kekayaan anda diagihkan kepada generasi seterusnya sama ada secara jumlah sekali gus, ansuran berkala atau pembayaran mengikut peristiwa penting melalui Legacy Settlement Option.



Nikmati Perlindungan Tinggi dengan Mudah

Nikmati had perlindungan tanpa pemeriksaan perubatan yang tinggi sehingga USD 3.5 juta / MYR 14 juta, tertakluk kepada umur dan profil kesihatan.



Fleksibiliti Menyeluruh Untuk Keperluan Kekayaan Yang Sentiasa Berubah

- Akses kepada dana anda apabila diperlukan tanpa menjejaskan legasi¹ anda.
- Tukar antara mata wang & emas pada bila-bila masa tanpa kos tambahan.

Tertakluk kepada terma dan syarat.

Nota:

¹ Pengurangan jumlah perlindungan akibat pengeluaran dana boleh dipulihkan sehingga 20% daripada jumlah perlindungan asal sebelum pengeluaran dibuat.

Bina Legasi Melangkau Sempadan

Kukuhkan legasi anda dengan mempelbagaikan aset melalui pilihan **mata wang utama dunia atau emas**, yang memberi **potensi pertumbuhan** apabila pasaran berkembang. Apabila pasaran menurun, nilai minimum yang ingin anda pelihara terus dilindungi melalui **jaminan nilai minimum (guaranteed floor)**.

Langkah 1: Pilih Aset Rujukan Anda



Langkah 2 Tukarkan Jumlah Perlindungan Anda kepada MYR

Jika anda memilih mata wang asing atau emas sebagai aset rujukan, jumlah perlindungan akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (MYR) berdasarkan kadar pertukaran semasa atau harga emas semasa apabila Manfaat Kematian atau Manfaat Penyakit Terminal perlu dibayar.

Contoh Pada Permulaan Polisi :

Jumlah Perlindungan: USD 1.0 juta	Kadar Permulaan*: 1 USD = MYR 4.00	Jumlah Perlindungan Setara: MYR 4.00 juta
---	--	---

Apabila Tuntutan Dibuat:

Apabila Pasaran Meningkat

USD mengukuh

Kadar Semasa USD 1 : MYR 5.00

Bayaran Tuntutan **MYR 5.0 juta**

✓ Legasi anda mendapat manfaat daripada prestasi mata wang yang lebih kukuh.

Apabila Pasaran Menurun

USD lemah

Kadar Semasa USD 1 : MYR 3.00

Bayaran Tuntutan ~~MYR 3.0 juta~~
MYR 4.0 juta

✓ Bayaran legasi anda kekal dilindungi oleh jaminan nilai minimum (guaranteed floor).

Apa Maksudnya Untuk Anda



Potensi pertumbuhan apabila pasaran global meningkat



Perlindungan daripada penurunan nilai melalui jaminan nilai minimum (guaranteed floor)



Keyakinan untuk mengembangkan legasi anda tanpa menjejaskan asas yang telah dibina

Tertakluk kepada terma dan syarat.

Nota:

1. Jumlah perlindungan merujuk kepada Manfaat Kematian atau Manfaat Penyakit Terminal yang perlu dibayar di bawah polisi ini. Manfaat Penyakit Terminal merupakan bayaran awal daripada Manfaat Kematian, dan jumlah keseluruhan yang dibayar bagi Manfaat Penyakit Terminal tidak akan melebihi RM10,000,000 bagi setiap Hayat Yang Diinsuranskan.
2. Jika jumlah perlindungan anda meningkat akibat keadaan pasaran yang menggalakkan, caj insurans tambahan akan dikenakan, yang boleh menjejaskan kelestarian jangka panjang polisi anda.
3. Kadar pasaran yang digunakan adalah berdasarkan kadar pertengahan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia pada jam 5:00 petang setiap hari bekerja. Bagi emas, kadar pasaran yang digunakan adalah berdasarkan harga jualan Kijang Emas setiap auns troy yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia pada setiap hari bekerja.

* Kadar permulaan ini adalah berdasarkan purata kadar yang tersedia sepanjang tempoh satu bulan yang lalu dan akan dikemas kini setiap bulan.

Raikan Kehidupan Yang Lebih Panjang dengan Pertumbuhan Legasi Terjamin



Dengan **Legacy Enhancer**, perlindungan anda **meningkat secara automatik pada usia-usia tertentu tanpa caj tambahan atau pemeriksaan kesihatan baharu**. Maka, apabila kehidupan anda berkembang, legasi anda turut berkembang bersama.



Umur Kemasukan Hayat Diinsuranskan	% Perlindungan Tambahan ¹ pada Usia Pencapaian				
	Umur 70	Umur 80	Umur 90	Umur 100	Jumlah
19 - 50	10%	10%	10%	20%	50%
51 - 60	-	10%	10%	20%	40%
61 - 70	-	-	10%	20%	30%
71 - 80	-	-	-	20%	20%



Tertakluk kepada terma dan syarat.

Nota:

¹Jumlah manfaat Legacy Enhancer yang dibayar adalah tertakluk kepada had maksimum RM2.5 juta bagi setiap hayat yang diinsuranskan.

Maksimumkan Kekayaan Dengan 100% Peruntukan Premium dan Bonus Menarik

Dengan 100% peruntukan premium, premium anda **dilaburkan sepenuhnya untuk merebut peluang pertumbuhan**. Komitmen jangka panjang anda turut diganjar dengan bonus **sehingga 1,300%** daripada premium tahunan, membantu memperkukuhkan nilai kekayaan anda.

Bonus Kesetiaan

Terima bonus berkala sehingga 100% daripada premium tahunan anda, yang dikreditkan ke dalam Akaun Unit Asas (BUA) **setiap 10 tahun** untuk terus menambah nilai kepada polisi anda.

Bagi jumlah perlindungan kurang daripada RM 5 juta

Tempoh Pembayaran Premium	% daripada Premium Tahunan	
	5 Tahun	10 Tahun or 20 Tahun
10 tahun polisi pertama	40%	80%
Setiap tempoh 10 tahun berikutnya	50%	90%


Bagi jumlah perlindungan RM 5 juta dan ke atas

Tempoh Pembayaran Premium	% daripada Premium Tahunan	
	5 Tahun	10 Tahun or 20 Tahun
Setiap tempoh 10 tahun	50%	100%

Booster Kesetiaan

Terima bonus tambahan sehingga 300% daripada premium tahunan anda pada akhir tempoh perlindungan yang dipilih, **bagi meningkatkan lagi nilai pelan anda**.

Tempoh Pembayaran Premium	% daripada Premium Tahunan	
	5 Tahun	10 Tahun atau 20 Tahun
Tempoh Perlindungan kurang daripada 25 tahun	100%	200%
Tempoh Perlindungan 25 tahun ke atas	200%	300%



Nikmati ganjaran yang lebih besar apabila kekayaan anda terus berkembang dan kekal dilaburkan dari semasa ke semasa.

Tertakluk kepada terma dan syarat.

Nota:

- Ganjaran yang dikira sebanyak 1,300% adalah berdasarkan jumlah Bonus Kesetiaan dan Booster Kesetiaan yang dibayar kepada pelanggan berumur 19 tahun, dengan jumlah perlindungan RM5 juta sehingga umur 120 tahun dan tempoh pembayaran premium selama 20 tahun.
- Untuk menikmati Bonus Kesetiaan dan Booster Kesetiaan, polisi anda perlu kekal aktif dengan semua premium dibayar mengikut jadual. Jumlah yang dikreditkan adalah berdasarkan premium tahunan terendah yang perlu dibayar sepanjang Tempoh Pembayaran Premium, termasuk Premium PRUSaver (jika ada), dan mungkin diselaraskan sekiranya pengeluaran separa dibuat daripada Akaun Unit Asas (BUA).
- Booster Kesetiaan akan dikreditkan ke dalam Akaun Unit Asas (BUA) apabila Hayat Diinsuranskan meninggal dunia selepas umur hari lahir berikutnya (ANB) 80 (bagi tempoh perlindungan sehingga ANB 90) atau ANB 90 (bagi tempoh perlindungan sehingga ANB 100 atau ANB 120).

Bentuk Legasi Anda Mengikut Hasrat Anda

Tentukan bagaimana orang tersayang menerima legasi anda dengan fleksibiliti yang ditawarkan melalui **Legacy Settlement Option**. Pilih sama ada **bayaran sekali gus**, **ansuran berkala** atau **pembayaran mengikut peristiwa penting tertentu**.

Ini memberi anda kawalan yang lebih besar untuk memastikan kekayaan anda diwariskan seperti yang dihasratkan, sambil membantu memenuhi keperluan orang tersayang hari ini dan untuk generasi akan datang.

Agihkan Legasi Anda Melalui 3 Pilihan Fleksibel



Bayaran Sekali Gus

Pembayaran penuh secara sekali gus bagi keseluruhan jumlah yang diperuntukkan



Ansuran Berkala

Bayaran bulanan atau tahunan berkala sehingga 35 tahun



Bayaran Mengikut Peristiwa Penting

Pembayaran akan dibuat apabila penama mencapai peristiwa penting tertentu dalam hidup

Tertakluk kepada terma dan syarat.

Nota:

1. Rujuk Legacy Settlement Option untuk maklumat lanjut.
2. Pemilik polisi boleh memilih tempoh pembayaran akhir antara 5 hingga 35 tahun, selepas itu baki jumlah legasi bersama sebarang faedah terkumpul akan dibayar sekaligus pada akhir tempoh pembayaran.
3. Pemegang polisi boleh memilih sehingga tiga (3) peristiwa penting dalam hidup daripada senarai yang disediakan dalam borang permohonan. Peristiwa hidup tertakluk kepada perubahan. Sila rujuk Borang Amanah & Penamaan terkini (untuk Legacy Settlement Option sahaja) untuk senarai paling terkini.

Nikmati Perlindungan Tinggi dengan Mudah

Perancangan legasi anda seharusnya mudah. Nikmati **proses permohonan yang lancar** untuk membantu anda mendapatkan perlindungan bagi generasi akan datang dengan lebih mudah.

Apa Maksudnya Untuk Anda



Had Perlindungan Tinggi Tanpa Pemeriksaan Perubatan

Nikmati perlindungan sehingga **USD 3.5 juta atau MYR 14 juta** tanpa pemeriksaan perubatan



Pengalaman Permohonan Yang Dipermudahkan

Nikmati **proses permohonan yang lebih mudah dan lancar** untuk mendapatkan perlindungan yang diperlukan



Akses Lebih Pantas Kepada Perlindungan

Dapatkan perlindungan yang anda perlukan dengan lebih cepat supaya anda boleh memberi tumpuan kepada **perkara yang paling penting**

Tertakluk kepada terma dan syarat.

Fleksibiliti Menyeluruh Untuk Keperluan Kekayaan Anda Yang Sentiasa Berubah

Kekal mengawal kekayaan anda apabila keperluan dan keutamaan hidup berubah. **Akses dana anda apabila diperlukan dan susun semula aset anda merentasi pelbagai mata wang serta emas, sambil memastikan legasi jangka panjang anda terus terpelihara.**

Fleksibiliti Hari Ini, Perlindungan Untuk Masa Hadapan.

Manfaat Cover Restore

Keluarkan dana apabila diperlukan, dan Manfaat Cover Restore akan memulihkan sehingga 20% daripada jumlah perlindungan asal anda secara automatik, sekali sepanjang tempoh polisi.



Pertukaran Mata Wang

Tukar antara mata wang dan emas pada bila-bila masa tanpa kos pertukaran tambahan untuk kestabilan dan ketenangan fikiran.



USD

Aset Rujukan Semasa

Kadar Pertukaran:
1 USD = MYR 4.00

Jumlah Perlindungan
USD 1 juta
= MYR 4 juta

Apabila SGD lebih sesuai dengan keperluan anda



SGD

Aset Rujukan Baharu

Kadar Pertukaran*:
1 SGD = MYR 3.00

Jumlah Perlindungan:
SGD 1.33 juta

✓ **Fleksibiliti untuk menyesuaikan strategi anda mengikut perubahan pasaran.**

Tertakluk kepada terma dan syarat.


Nota:

- Sebarang perubahan kepada jumlah perlindungan boleh memberi kesan kepada caj insurans yang berkaitan.
- Manfaat Cover Restore hanya boleh digunakan sekali bagi setiap polisi dan akan diaktifkan selepas 24 bulan daripada tarikh pengeluaran pertama, dengan syarat polisi kekal aktif dan semua premium telah dibayar sehingga tarikh tersebut.

* Apabila pertukaran aset rujukan dibuat, kadar pertukaran yang digunakan adalah berdasarkan purata kadar yang tersedia sepanjang tempoh satu bulan yang lalu dan akan dikemas kini setiap bulan.

Ganjaran Untuk Gaya Hidup Yang Lebih Sihat

Komitmen anda terhadap gaya hidup sihat boleh diganjar melalui **kadar istimewa ke atas caj insurans**, membolehkan anda menikmati **nilai perlindungan yang lebih tinggi dengan premium yang sama**.



Shawn, Umur 58 | CEO

Shawn berada dalam keadaan kesihatan yang baik dan melanggan **PRUPrestige Legacy**. Beliau memilih untuk menghantar laporan perubatan bagi tujuan penilaian.

Shawn Memenuhi Kriteria Kadar Istimewa:

- ✓ Tidak merokok dalam tempoh 12 bulan yang lalu
- ✓ Mengekalkan tekanan darah, BMI dan paras kolesterol yang sihat
- ✓ Tiada sejarah diabetes, penyakit kardiovaskular, penyakit serebrovaskular atau kanser
- ✓ Tiada masalah kesihatan yang boleh dikenakan penilaian risiko tambahan

Keputusan

Shawn layak menerima Kadar Istimewa dan boleh menikmati caj insurans yang 10% lebih rendah.

Kekalkan apa yang bermakna untuk generasi akan datang dengan PRUPrestige Legacy. Hubungi Perancang Kewangan Prudential anda hari ini atau layari www.prudential.com.my untuk maklumat lanjut.

Nota Penting & Penafian

- PRUPrestige Legacy adalah pelan insurans berkaitan pelaburan dengan premium berkala yang diunderait oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad ("PAMB") 198301012262 (107655-U), yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
- Pembelian insurans hayat ialah satu komitmen kewangan jangka panjang. Anda hendaklah memastikan bahawa polisi ini (termasuk rider, jika ada) menepati keperluan anda dan memastikan bahawa anda mampu membayar premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini. Untuk mencapainya, kami mengesyorkan anda supaya menghubungi Perancang Kewangan Prudential anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda dalam membuat keputusan termaklum. Anda juga boleh menghubungi syarikat insurans untuk maklumat lanjut.
- Risalah ini hanya mengandungi penerangan ringkas tentang produk dan adalah tidak lengkap. Anda dinasihatkan supaya merujuk kepada Lampiran Keterangan Produk PRUPrestige Legacy, Ilustrasi Produk dan Lembaran Fakta Dana (jika ada), sebelum membeli sesuatu polisi serta merujuk terma-terma dan syarat-syarat dalam dokumen polisi untuk butir-butir mengenai ciri-ciri dan manfaat-manfaat, pengecualian-pengecualian dan tempoh menunggu di bawah polisi.
- Tempoh rujukan percuma selama 15 hari diperuntukkan selepas tarikh polisi dihantar kepada anda bagi membolehkan anda mengkaji sama ada polisi tersebut memenuhi keperluan anda. Jika polisi dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan membayar balik nilai unit (pada harga unit tarikh penilaian berikutnya) tambah dengan premium yang tidak dilaburkan, caj (seperti caj insurans, caj perkhidmatan, caj pemprosesan dan apa-apa caj lain yang berkenaan) dan cukai (jika ada) yang telah kami tolak, tolak perbelanjaan perubatan (jika ada) yang mungkin telah kami bayar atau bersetuju untuk bayar.
- Produk ini didatangkan dengan Perlanjutan Tempoh Perlindungan untuk melanjutkan tempoh pelan asas sehingga Ulang Tahun Polisi apabila Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 120 tahun. Bagi rider(-rider), jika berkenaan, tempoh rider akan dilanjutkan sehingga Ulang Tahun Polisi apabila Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 120 tahun atau tempoh perlindungan maksimum rider, mana-mana yang lebih awal. Jika anda memilih tempoh polisi kurang daripada umur 120 tahun, anda boleh memohon untuk membatalkan ciri Perlanjutan Tempoh Perlindungan selepas polisi anda dikeluarkan yang akan mengakibatkan perlindungan anda berakhir pada tempoh polisi yang asal. Sebarang permintaan berikutnya untuk memohon semula Perlanjutan Tempoh Perlindungan adalah tertakluk kepada pengunderaitan.
- Andaikan seorang lelaki berumur 40 tahun yang baru sahaja menyambut hari lahirnya semalam, bukan perokok dan dalam kelas pekerjaan 1, pelanggan PRUPrestige Legacy dengan Jumlah Asas Diinsuranskan sebanyak MYR2,000,000, tempoh pembayaran premium selama 20 tahun dan tempoh polisi sehingga Umur Hari Jadi Akan Datang (ANB) 80 tahun dengan pelanjutan automatik, diperuntukkan 100% ke dalam dana terurus, serta pembayaran premium bulanan melalui kad kredit, maka anggaran jumlah premium yang perlu dibayar adalah seperti berikut:

Jumlah premium yang perlu dibayar berdasarkan tempoh perlindungan sehingga ANB 80	Bagi meningkatkan kemampunan polisi anda sehingga umur 120 tahun	
	Alternatif 1	Alternatif 2
RM1,500.00 sebulan dari umur 40 selama 20 tahun.	Tokokan Premium Berkala tambahan sebanyak RM7,494.00 sebulan adalah disyorkan dari umur 40 tahun selama 20 tahun. Jumlah premium yang perlu dibayar: RM8,994.00 sebulan dari umur 40 tahun selama 20 tahun.	Tokokan Premium Berkala tambahan sebanyak RM34,371.00 sebulan adalah disyorkan dari umur 80 tahun sehingga akhir Perlanjutan Tempoh Perlindungan. Jumlah premium yang perlu dibayar: RM1,500.00 sebulan dari umur 40 tahun selama 20 tahun. RM35,871.00 sebulan dari umur 80 tahun sehingga umur 119 tahun.

Nota:

- Premium tidak dijamin dan boleh berubah pada masa akan datang bergantung pada pulangan pelaburan sebenar, pembayaran premium, manfaat polisi dan caj (termasuk sebarang semakan semula caj insurans). Anda boleh merujuk penyata tahunan untuk amaun Tokokan Premium Berkala yang disyorkan yang dikemas kini setiap tahun bagi meningkatkan kemampunan polisi sehingga tempoh lanjutan (berdasarkan Alternatif 1 di atas), dan boleh mempertimbangkan untuk menokok premium anda dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kemampunan polisi anda. Kami akan memberitahu anda sekurang-kurangnya 90 hari sebelum Perlanjutan Tempoh Perlindungan sekiranya sebarang premium tambahan diperlukan dalam tempoh lanjutan.
- Umur yang dinyatakan dalam jadual di atas merujuk kepada umur Hayat Yang Diinsuranskan pada Ulang Tahun Polisi.
- Sila rujuk kepada Lampiran Keterangan Produk untuk maklumat lanjut.

- PRUPrestige Legacy dan ridernya yang boleh dilampirkan (jika ada) bukan produk patuh Syariah.
- Anda boleh menyerahkan polisi pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, jika anda menamatkan polisi pada tahun-tahun awal, anda mungkin mendapat balik kurang daripada amaun yang telah anda bayar. Apabila diserahkan, nilai serahan akan dibayar dan semua manfaat di bawah pelan ini akan ditamatkan.
- Sebarang rujukan umur adalah berasaskan Umur Hari Jadi Akan Datang (ANB) kecuali dinyatakan.
- Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketakkonsistenan antara versi bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa Cina risalah ini, versi bahasa Inggeris risalah ini akan diutamakan dan diguna pakai.

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong untuk tujuan ketepatan percetakan dan tidak mengandungi sebarang maklumat.

**SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA INI ADALAH PRODUK INSURANS YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET PENDASAR
DAN BUKANNYA PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTIMANA UNIT AMANAH.**